

UMS dan Beijing Union University Anjur Simposium Pelancongan Lestari

Terakhir dikemaskini: Isnin, 13 Januari 2020 16:36 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 6

[Kongsi 0](#)

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



ISNIN, 13 JANUARI - Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Beijing Union University (BUU), China menganjurkan Simposium Pelancongan Mampan baru-baru ini.

Bertempat di UMS, simposium itu antara lain membincarakan topik kelestarian dalam pelancongan seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals - SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dua penceramah dari Program Pengurusan Pelancongan UMS telah dijemput untuk berkongsi idea dan pengalaman mereka berdasarkan topik tersebut.

Mereka ialah Profesor Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dan Profesor Dr. Jennifer Chan Kim Lian.

Dalam ceramahnya, Dr. Awangku Hassanal berbicara mengenai penterjemahan Matlamat Pembangunan Lestari PBB kepada praktik dalam pelancongan.

Beliau menerangkan secara menyeluruh mengenai SDG dan yang berkaitan dengan praktik pelancongan berdasarkan pengalamannya berkhidmat dalam Sustainable Development Solutions (SDSN) Malaysia sebelum ini melalui contoh program dan projek pembangunan di Sabah yang telah mencapai matlamat SDG.

Profesor Dr. Jennifer dalam perkongsianya pula membentangkan penyelidikan beliau tentang konsep pelancongan lestari yang mampu untuk meningkatkan ekonomi tempatan dan memelihara persekitaran tapak pelancongan.

Seramai 45 kakitangan dan pelajar pascasiswazah UMS dan BUU sama-sama mendengar ceramah pada simposium itu.

Sementara itu, Ketua Program Pengurusan Pelancongan FPEP UMS merangkap pengurus penganjur simposium, Dr. Tini Maizura Mohtar menyuarakan harapan agar UMS dan BUU akan terus bekerjasama dalam membuat penyelidikan berhubung topik pelancongan lestari untuk kedua-dua negara iaitu Malaysia dan China.

Beliau berharap agar lebih banyak wacana seperti simposium ini dilaksanakan pada masa-masa akan datang.

Majlis Perasmian Simposium disempurnakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah FPEP UMS, Dr. Arif @ Kamisan Pusiran. Manakala, majlis penutupannya disempurnakan ketua delegasi BUU, Profesor Madya Dr. Yu Liu.

